

Fighting dengue with mosquitoes

Putrajaya insectarium to produce Wolbachia carriers to help control disease

Story and photo by LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

IN A significant escalation of the fight against dengue, a new state-of-the-art insectarium capable of producing up to 180,000 Wolbachia mosquitoes per week has been established in Putrajaya.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the insectarium, the second in the country after Johor Baru, was an important science and evidence-based innovation aimed at controlling the spread of the disease.

However, he urged all stakeholders to not let their guard down as Wolbachia mosquitoes were not the "silver bullet" for the disease.

"The release of Wolbachia mosquitoes is to complement the existing dengue intervention measures such as destroying the breeding spots of *Aedes aegypti* mosquitoes and fogging.

"The whole of nation approach involving the Health Ministry and its strategic partners, local



Dr Zaliha and Dr Dzulkefly each releasing a cup of Wolbachia mosquitoes during the launch of the insectarium in Putrajaya.

authorities and community leaders through the Communication for Behavioural Impact (Combi) initiative must be continued to make sure that we

are always prepared," he said during the insectarium's launch yesterday.

He added that as of Dec 6, the number of dengue cases in

Malaysia this year recorded a 56.5% decrease (51,046 cases), compared to the whole of 2024 (118,921 cases).

"The release of Wolbachia mosquitoes into various localities could have helped.

"In fact, the government has released the mosquitoes into 51 localities and 26 out of those places we studied recorded a 40% to 100% drop in the number of dengue cases.

"I hope that such insectariums can soon be rolled out in more places. A thorough cost-benefit analysis needs to be conducted before we develop the initiative further," he said.

Also present was Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, who said proactive interventions were needed to not only reduce the number of dengue cases, but also alleviate the government's burden in managing the disease.

"The treatment of dengue is putting a huge burden on public hospitals.

"The disease also impacts the

work force.

"Hence, I fully support science and technology-based initiatives like the insectarium and I expect to see more of such initiatives, probably with applications of artificial intelligence, in the future," she said.

The insectarium, about 1,200sq ft in size, was repurposed from former government quarters in Precinct 20.

"The project cost about RM500,000 and I believe this is a worthy investment to maintain Putrajaya's liveability."

Dr Zaliha said more than 100 buildings in Kuala Lumpur could be repurposed not only into public health facilities, but also other functions that could benefit the people.

Dr Dzulkefly and Dr Zaliha also released two cups of Wolbachia mosquitoes during the launch.

Wolbachia is a bacteria that blocks viruses such as dengue, chikungunya and Zika from growing in the bodies of *Aedes aegypti* mosquitoes, reducing the insects' ability to transmit these viruses to humans.

Significant decline in dengue deaths

PUTRAJAYA: Deaths due to dengue in the country have dropped by 61.3% to 43 cases compared with 111 recorded last year, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said dengue cases nationwide also declined by 56.5% to 51,046 cases as of Dec 6, compared with 118,291 cases recorded throughout 2024.

"Congratulations to the disease control division and all parties involved (in controlling dengue cases)," he said yesterday at the opening of the Putrajaya Wolbachia Insectarium, which was also attended by Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

The Putrajaya Wolbachia Insectarium is the second facility developed to strengthen the implementation of the Wolbachia Mosquito Operation nationwide in combating the Aedes mosquito, Bernama reported.

Dr Dzulkefly said the Health Ministry continues to enhance integrated dengue prevention and control strategies through district health offices, in collaboration with strategic partners,



Success story: Dr Zaliha (right) and Dr Dzulkefly (centre) on a tour of the newly launched Putrajaya Wolbachia Insectarium. — Bernama

local authorities, relevant agencies and local communities, in line with a whole-of-nation approach.

Since 2019, he said the ministry has introduced an innovative dengue control solution through the release of Wolbachia-infected Aedes mosquitoes – a biological method scientifically proven to reduce the mosquito's ability to transmit the dengue virus.

"This intervention complements existing measures such as

the elimination of breeding grounds, chemical control, including larvicides and fogging, as well as community involvement in maintaining environmental cleanliness.

"This approach is in line with World Health Organisation (WHO) recommendations that emphasise integrated and sustainable vector control," he said.

Meanwhile, Dr Zaliha said her ministry remains committed to supporting the Health Ministry

in reducing dengue cases across all areas in the Federal Territories.

She said the provision of a building for the Putrajaya Wolbachia Insectarium reflected the commitment and cooperation of local authorities in curbing dengue cases.

"We repurposed a building that had long been unused into a facility that can be utilised by the Health Ministry and benefit the people as a whole," she said.

Next-gen CT scanner boosts diagnoses, treatments

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

ONE of the world's most advanced computed tomography (CT) scanners is now available at a hospital in Selangor with an image clarity unlike anything consultants have seen before.

Since October, Sunway Medical Centre patients have had access to a photon-counting CT (PCCT) scanner, a next-generation imaging system that delivers faster, safer and more detailed results.

The system, developed by Siemens Healthineers, enables clinicians to detect subtle tissue differences, identify micro-lesions and assess organ structures with exceptional clarity while reducing radiation.

Sunway Healthcare Group president Datuk Lau Beng Long said: "We are empowering our clinicians with an advanced diagnostic tool that enhances precision, supports confident decision-making and improves patient comfort."

"The PCCT, the fourth CT scanner in the hospital, is priced at RM16mil, about four times more than a conventional one."

He said over 1,000 patients had benefitted from it.

The response from radiologists, cardiologists and other specialists has been exceptional.

"Subtle findings that were previously difficult to detect are now visible, complex conditions are easier to interpret and improved image quality allows treatment decisions to be made faster and with greater confidence."



Dr Dzulkefly (right) and Cheah standing beside the new PCCT scanner at Sunway Medical Centre. To demonstrate the machine's highly detailed imagery, a hibiscus plant is being prepared for scanning. — LOW BOON TAT/The Star

"This is exactly what our consultants want because the faster and more accurate the diagnosis, the sooner treatment can begin, leading to better patient outcomes," he said during the launch at Sunway Sanctuary Suites in Subang Jaya.

He added that this was the reason behind the investment in the technology and making it accessible to Malaysians.

"Today, we want to strengthen our commitment to public-private partnerships."

"This goes beyond the PCCT scanner to include other facilities we have and we hope to collaborate with the Health Ministry, particularly in areas where the public healthcare system is overwhelmed."

Also present at the launch were Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and Sunway Group founder and chairman Tan Sri Jeffrey Cheah.

Siemens Healthineers Malaysia managing director Siow Ai Li said the system represented over

15 years of research.

She said they had filed over 500 patents and collaborated closely with clinical partners to validate the technology.

"The PCCT is a breakthrough that has transformed diagnostic imaging worldwide."

"With advanced spectral imaging and artificial intelligence-enabled support tools, the system will deliver consistent high quality images across every scan."

SMC senior consultant interventional radiologist Dr Adam

Pany Abdullah said for patients, the system translated to earlier detection, more accurate diagnoses and better patient outcome.

"In cardiology, the coronary arteries can be clearly visualised, even in cases of heavy calcification," he said.

"In neurology, the images provide excellent clarity of veins and precise delineation of small vessels, and in oncology, we are able to better characterise cancer tumours and monitor treatment response."

Kes maut denggi menurun ketara

KKM terus perkuh strategi pencegahan dan kawalan secara bersepadu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia merekodkan penurunan ketara kes denggi dengan jumlah kematian berkurangan sebanyak 61.3 peratus dalam tempoh Januari hingga Sabtu lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata statistik menunjukkan kes denggi setakat ini adalah 51,046 berbanding 118,291 kes tahun lalu iaitu penurunan 56.5 peratus.

Katanya, jumlah kematian akibat jangkitan denggi pula menurun kepada 43 kes berbanding 111 yang direkodkan tahun lalu.

"Kita nak Disember, apabila tahun ini berakhir dalam beberapa hari lagi, kita dapat kekalkan pada angka 51,046 kes."

"Jadi saya nak ucapkan tahniah kepada program kesihatan awam, bahagian kawalan

Dr Dzulkefly bersama Dr Zaliha melawat Insektarium Wolbachia Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)



penyakit dan semua yang mengambil bahagian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Insektarium Wolbachia Putrajaya yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly mengingatkan semua pihak alpa kerana risiko pembiakan nyamuk Aedes kekal wujud.

"Usaha memerangi denggi

mesti dilihat sebagai tanggungjawab bersama. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan (KKM) terus memperkuh strategi pencegahan dan kawalan denggi secara bersepadu.

"Ia boleh dibuat melalui pejabat kesihatan daerah dan menerusi kerjasama rakan strategik, pihak berkuasa tempatan, agensi berkaitan serta komuniti setempat, selaras dengan pendekatan *whole-of-nation*," katanya.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, pihaknya komited mem-

bantu KKM dalam memerangi kes denggi di negara ini.

Guna pakai bangunan terbiar

Selain sebagai pusat insektarium, beliau berkata, pihaknya juga bersedia mengguna pakai bangunan terbiar milik pihak berkuasa tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan sebagai fasiliti yang boleh memanfaatkan masyarakat.

"Kita ada beberapa bangunan yang dikenal pasti pada masa ini, lebih 100 bangunan yang

sebenarnya boleh digunakan untuk dimanfaatkan sama ada oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ataupun agensi dan kementerian lain.

"Saya juga ada berbincang dengan Menteri Kesihatan yang mana ada bangunan berdekatan contohnya dengan Hospital Kuala Lumpur, yang mungkin juga boleh dimanfaatkan sebagai tempat ataupun hostel (untuk kakitangan hospital)," katanya.

Insektarium Wolbachia Putrajaya, sebuah fasiliti penting yang memperkuhkan pelaksanaan Pelepasan Nyamuk Aedes berWolbachia (Wolbachia Mosquito Operation-WMO) di negara ini.

Insektarium itu adalah inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPJ) sebagai rakan strategik KKM, sekali gus mencerminkan komitmen bersama dalam mengukuhkan kawalan denggi di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ia adalah insektarium kedua di Malaysia yang dijalankan dengan kerjasama PBT, memainkan peranan penting sebagai infrastruktur pencegahan yang menyokong peluasan pelaksanaan intervensi ini secara lebih sistematik, konsisten dan berskala.

Fasiliti itu mampu menghasilkan antara 45,000 hingga 79,000 ekor nyamuk Aedes berWolbachia dewasa seminggu.

Putrajaya: Malaysia merekodkan penurunan ketara kes denggi dengan jumlah kematian berkurangan sebanyak 61.3 peratus dalam tempoh Januari hingga Sabtu lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, statistik menunjukkan jumlah kes denggi setakat ini adalah sebanyak 51,046 kes berbanding 118,291 kes tahun lalu iaitu penurunan sebanyak 56.5 peratus.

Katanya, jumlah kematian akibat jangkitan denggi pula menurun kepada 43 kes berbanding 111 yang direkodkan tahun lalu.

"Kita nak Disember ini, apabila tahun ini berakhir dalam beberapa hari lagi, kita dapat kekalkan pada angka 51,046 kes.

"Jadi saya nak ucapkan tahniah kepada program kesihatan awam, bahagian kawalan penyakit dan semua yang mengambil bahagian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Insektarium Wolbachia Putrajaya yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa di sini, semalam.

Penurunan ketara kes denggi

Mengulas lanjut, Dzulkefly mengingatkan supaya semua pihak alpa kerana risiko pembiakan nyamuk aedes kekal wujud.

"Usaha memerangi denggi mesti dilihat sebagai tanggungjawab bersama. Sehubungan itu, KKM terus memperkukuh strategi pencegahan dan kawalan denggi secara bersepadu.

"Ia boleh dibuat melalui Pejabat Kesihatan Daerah dan menerusi kerjasama rakan strategik, pihak berkuasa tempatan, agensi berkaitan serta komuniti setempat, selaras dengan pendekatan *whole-of-nation*," katanya.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, pihaknya komited membantu KKM dalam memerangi kes denggi di negara ini.

Selain sebagai pusat insektarium beliau berkata, pihaknya juga bersedia mengguna pakai bangunan terbiar milik PBT di Wilayah Persekutuan sebagai fasiliti yang boleh memanfaatkan masyarakat.

"Kita ada beberapa bangunan yang dikenal pasti pada masa ini, lebih kurang

100 lebih bangunan yang sebenarnya boleh digunakan untuk dimanfaatkan sama ada oleh badan bukan kerajaan (NGO) ataupun agensi dan kementerian lain.

"Saya juga ada berbin-cang dengan Menteri Kesihatan yang mana ada bangunan berdekatan contohnya dengan Hospital Kuala Lumpur, yang mungkin juga boleh dimanfaatkan sebagai tempat ataupun hostel (untuk kakitangan hospital)," katanya.

Insektarium Wolbachia Putrajaya, sebuah fasiliti penting yang memperkukuhkan pelaksanaan Pelepasan Nyamuk Aedes ber-Wolbachia (Wolbachia Mosquito Operation-WMO) di negara ini.

Insektarium itu adalah inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) sebagai rakan strategik Kementerian Kesihatan (KKM), sekali gus mencerminkan komitmen bersa-

ma dalam mengukuhkan kawalan denggi di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ia adalah insektarium kedua di Malaysia yang dijalankan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT), memainkan peranan penting sebagai infrastruktur pencegahan yang menyokong peluasan pelaksanaan intervensi ini secara lebih sistematik, konsisten dan berskala.

Fasiliti itu mampu menghasilkan antara 45,000 hingga 79,000 ekor nyamuk Aedes berWolbachia dewasa seminggu.



“Usaha memerangi denggi mesti dilihat sebagai tanggungjawab bersama Dr Dzulkefly”

HRPZ II hospital ketiga guna teknologi robotik ganti sendi lutut

Kota Bharu: Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi hospital ketiga di Malaysia yang melaksanakan pembedahan penggantian sendi lutut atau *Total Knee Replacement* (TKR) menggunakan teknologi robotik.

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Mohd Azman Yacob, berkata pelaksanaan teknologi berkenaan di HRPZ II adalah yang pertama di Kelantan dan menandakan satu pencapaian penting dalam bidang pembedahan ortopedik di negeri ini.

Beliau berkata, sebelum ini teknologi pembedahan robotik bagi prosedur TKR diperkenalkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 2022, sebelum diperluaskan ke Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh.

"Teknologi yang digunakan dikategorikan sebagai *assisted robotic surgery*, iaitu pembedahan yang dilaksanakan oleh pakar bedah dengan bantuan sistem robotik dan kaedah ini memberikan tahap kejituan

yang lebih tinggi dalam proses penggantian sendi lutut, sekaligus mengurangkan risiko kesilapan ketika pembedahan.

"Prosedur pembedahan TKR menggunakan teknologi robotik ini mempunyai risiko yang sangat rendah terhadap pendarahan dan komplikasi serius, selain membolehkan pembedahan dilakukan dengan lebih tepat serta selamat berbanding kaedah konvensional," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai pembedahan menggunakan teknologi robotik: *Bilateral Total Knee Replacement* (Pembedahan Dua Lutut Serentak) pertama di Kelantan di Dewan Bedah, Kompleks Rawatan Harian HRPZ II, di sini, semalam.

Terdahulu, seorang warga emas berusia 63 tahun menjadi pesakit pertama menjalani pembedahan penggantian dua sendi lutut serentak menggunakan teknologi robotik di HRPZ II.

Dr Mohd Azman berkata, pembedahan penggantian sendi lutut menggunakan teknologi robotik juga memendekkan hingga sepa-

ruh masa pembedahan.

"Pada masa sama, teknologi robotik membolehkan perancangan pembedahan yang lebih tepat melalui imej tiga dimensi (3D) masa nyata, sekali gus mengurangkan kesakitan, pendarahan dan mempercepatkan pemulihan pesakit.

"Kejayaan ini membuktikan komitmen HRPZ II dalam memperkukuh perkhidmatan ortopedik dan meletakkan hospital berkenaan sebagai pusat rujukan arthroplasty utama di Pantai Timur.

"Di HRPZ II kini mempunyai tiga pakar bedah ortopedik yang terlatih dalam penggunaan sistem robotik ini diketuai Pakar Perunding Kanan Orthopedik HRPZ II, Dr Mohd Yusof Ibrahim," katanya.

Katanya, penggunaan teknologi robotik ini dibangunkan berdasarkan pengalaman lalu dalam pembedahan lutut konvensional yang sering berdepan dengan pelbagai komplikasi.

"Antara masalah utama yang kerap berlaku ialah ketidakselarasan sendi lutut selepas pembedahan yang menyebabkan lutut



Dr Mohd Azman (kanan) dan Dr Mohd Yusof menunjukkan sistem teknologi pembantu pembedahan robotik di HRPZ II, semalam. (Foto BERNAMA)

tidak kembali kepada kedudukan normal dan menjejaskan fungsi anatomi pesakit.

"Dengan bantuan sistem robotik, kejituan pembedahan dapat dipertingkatkan dan risiko ketidakselarasan dapat dielakkan, sekali gus memastikan kedudukan sendi lutut yang lebih tepat dan fungsi yang lebih baik selepas pembedahan," katanya.

Beliau berkata, dari segi kos pembedahan penggantian lutut secara robotik hanya memba-

bitkan bayaran bagi komponen atau alat sendi lutut atau implan yang berharga RM7,500 digunakan dan ia perlu ditanggung oleh pesakit.

"Namun, bagi pesakit daripada kumpulan B40, mereka boleh memohon bantuan melalui Tabung Bantuan Perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) dan kos pembedahan akan ditanggung sepenuhnya bergantung kepada jenis sendi lutut yang diperlukan dengan bayaran maksimum sehingga RM30,000," katanya.

laporan khas

Undang risiko bayar murah

Petaling Jaya: Tindakan memilih individu tidak bertauliah menjalankan rawatan kosmetik semata-mata mahu mengejar harga murah boleh mengundang risiko bahaya terhadap kesihatan.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Mohd Zawawi Abdullah berkata, harga rawatan lebih murah berbanding kos di klinik berdaftar mendorong ramai individu memilih mendapatkan perkhidmatan dengan pihak tidak bertauliah.

"Selain itu, keinginan mendapatkan hasil segera seperti kulit lebih cerah, muda dan licin dalam masa singkat adalah antara faktor rawatan kosmetik menjadi

pilihan ramai.

"Pengaruh media sosial dan promosi mengelirukan juga memainkan peranan besar dalam menarik minat orang ramai terutamanya apabila testimoni serta iklan ditampilkan menjanjikan hasil luar biasa tanpa mengambil kira aspek keselamatan," katanya.

Menurutnya, apabila sesuatu prosedur membabitkan suntikan mahupun pembedahan, ia sepatutnya dijalankan oleh golongan profesional.

"Ini kerana prosedur berkenaan tidak boleh dibuat secara sebarangan memandangkan ia boleh mendatangkan implikasi terhadap kesihatan.

"Sebagai contoh, suntikan vitamin C dilakukan oleh pi-

hak tidak bertauliah boleh mengakibatkan kerosakan pada salur darah termasuk salur darah pecah," katanya.

Mohd Zawawi berkata, lokasi rawatan kosmetik dijalankan juga memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada wujudnya risiko bahaya terhadap kesihatan.

"Ada yang kita dengar ambil suntikan atau buat pembedahan di rumah, malah dalam kereta pun ada. Adalah penting bagi memastikan rawatan dijalankan di lokasi yang steril.

"Tindakan itu penting bagi memastikan tidak berlaku jangkitan kuman akibat persekitaran tidak selamat. Selain jangkitan, situasi itu juga boleh mengundang alahan serta hepatitis," katanya.

Kuala Lumpur: Kebanyakan rawatan dan pembedahan kosmetik yang tidak berjaya hingga mencacatkan fizikal pelanggannya dilakukan oleh 'dokter' warga asing.

Ketua Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA, Datuk Seri Michael Chong berkata, pihaknya menerima laporan aduan dalam tempoh dua tahun berhubung kegagalan pembedahan plastik serta rawatan kosmetik.

"Lapan kes berkenaan membabitkan enam wanita serta masing-masing seorang transgender dan lelaki dengan kebanyakan mereka menjalani pembedahan membesarkan payudara.

"Saya difahamkan kebanyakan pengadu membuat pembedahan plastik dengan 'dokter' warga asing dan prosedur dilakukan tidak berjalan lancar," katanya.

Cacat fizikal di tangan doktor warga asing

Katanya, ada pengadu yang memaklumkan mereka dipasangkan implan yang tidak mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Berdasarkan aduan yang kami terima, rata-rata 'dokter' warga asing yang menawarkan perkhidmatan pembedahan plastik masuk ke Malaysia menggunakan pas lawatan sosial.

"Kebiasaannya mereka mempromosikan khidmat di media sosial serta hebah melalui pelanggan tetap yang terdiri daripada individu tempatan," katanya.

Katanya, 'dokter' warga asing itu tidak mempunyai pengetahuan perubahan tetapi berani melakukan ke-

giatan berkenaan untuk meraih pendapatan lumayan.

Lebih membingungkan apabila ada segelintir pakar kecantikan tempatan yang sanggup bekerjasama dengan sindiket berkenaan untuk beroperasi di klinik atau spa mereka.

"Ada sindiket ini yang menjalankan kegiatan itu di rumah atau hotel tanpa steril sekali gus menyebabkan kemungkinan berlakunya jangkitan kuman," katanya.

Menurutnya, pengadu memaklumkan mereka terpengaruh dengan iklan daripada sindiket yang menggunakan model cantik bagi memperdaya mangsa menjalani pembedahan plastik atau rawatan kosmetik.

PELANGGAN wanita yang mendapatkan perkhidmatan pembedahan kosmetik daripada 'dokter' warga Vietnam di sebuah kondominium di Cheras, Kuala Lumpur.



Media sosial promosi khidmat

Kuala Lumpur: Terdapat sindiket menawarkan rawatan kosmetik secara haram yang didalangi warga asing dikesan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban berkata, sindiket berkenaan menggunakan media sosial sebagai platform mempromosikan rawatan kosmetik dan kecantikan.

"Ada sindiket (warga asing) yang membawa masuk produk kosmetik dan kecantikan secara haram untuk dijual kepada pelanggan dalam talian menerusi ejen dengan harga serendah RM150.

"Perkhidmatan kosmetik paling banyak dikesan ditawarkan warga asing adalah pemutihan kulit wajah.

"Terdapat juga perkhidmatan lain disediakan oleh sindiket terbabit termasuk tanam benang, filler atau bahan pengisi di wajah dan buang lemak," katanya.

Zakaria berkata, kebelakangan ini, tiada operasi dan tangkapan membabitkan klinik kosmetik haram dijalankan pihaknya.

"Terdapat satu operasi penguatkuasaan dijalankan membabitkan sindiket penjualan produk kosmetik dan kecantikan tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Operasi itu dijalankan pada 25 April lalu di premis kediaman di sekitar Lembah Klang yang berjaya menahan lima individu warga Indonesia," katanya.

Beliau menasihati orang ramai supaya mendapatkan rawatan atau perkhidmatan kosmetik hanya daripada pengamal bertauliah, berkelayakan dan memiliki pas serta kebenaran sah untuk bekerja di negara ini.

"Rawatan kosmetik oleh warga asing tanpa kelayakan atau permit sah bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah boleh mengundang risiko keselamatan, jangkitan serta komplikasi perubatan serius.

"Orang ramai turut digalakkan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mengesyaki kewujudan aktiviti rawatan kosmetik haram oleh warga asing supaya tindakan segera dapat diambil," katanya.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hasrat seorang lelaki untuk memiliki hidung yang mancung tidak kesampaian apabila pembedahan plastik dijalaninya gagal dan mengakibatkan hidungnya senget.

Lelaki hanya mahu dikenali sebagai Loo, 30-an, berkata, dia melihat satu iklan di Facebook (FB) yang menawarkan pembedahan plastik di bahagian hidung oleh sebuah pusat kecantikan di ibu negara.

"Saya tertarik dengan iklan itu kerana terdapat beberapa testimoni yang menunjukkan 'kejayaan' pembedahan plastik dijalankan oleh pusat kecantikan terbahit.

"Malah, harga ditawarkan juga 'masuk akal' iaitu tidak terlalu murah atau terlalu mahal sekali gus menyebabkan saya rasa perkhidmatan ditawarkan bukan satu penipuan," katanya.

Selepas beberapa kali sesi konsultasi, katanya, dia bersejua menjalani pembedahan plastik pada bahagian hidung dengan bayaran RM13,616.

"Sebaik pembedahan selesai, saya tidak syak sesuatu yang buruk berlaku. Namun, selepas beberapa bulan menjalani pembedahan, saya perasan hidung saya senget.

"Apabila saya rujuk semula kepada pihak pusat kecantikan

BAYAR RM13,616 DAPAT SENGSAARA

Hidung lelaki jadi senget selepas buat pembedahan kosmetik di pusat kecantikan tak bertauliah

itu, mereka beritahu itu adalah proses biasa sebelum ia kembali ke bentuk dikehendaki (mancung)," katanya.

Katanya, dia mengambil keputusan merujuk keadaan hidungnya di sebuah hospital dan dimaklumkan pembedahan dijalaninya di pusat kecantikan itu sebenarnya gagal.

"Mereka ada buat silap semasa pasang implan pada hidung saya namun tidak mengakui perkara itu. Malah, mereka (pusat kecantikan) menipu saya seolah-olah hidung saya akan mancung selepas pembedahan itu.

"Saya dimaklumkan oleh pihak hospital bahawa mereka ada menerima beberapa pesakit yang mengalami isu sama (pembedahan tidak berjaya) dari pusat kecantikan berkenaan," katanya.

Sementara itu, seorang wanita hanya mahu dikenali sebagai Yao, 40-an, berkata, dia terpaksa menanggung kesakitan akibat kesilapan pemasangan implan dilakukan doktor warga asing dari sebuah pusat kecantikan di ibu negara.

"Saya tahu mengenai pusat kecantikan itu melalui iklan di media sosial. Apa yang buat

saya tertarik adalah mereka maklumkan mempunyai lesen sah untuk beroperasi.

"Harga yang ditawarkan bagi pembedahan plastik yang saya mahu iaitu pembesaran payudara juga nampak muhasabah iaitu RM23,600," katanya.

Bagaimanapun, katanya, selepas menjalani pembedahan itu, dia mengalami kesakitan pada payudara kanannya dan merujuk perkara terbahit kepada pihak pusat kecantikan.

"Saya maklumkan kepada pi-



Mereka ada buat silap semasa pasang implan pada hidung saya namun tidak mengakui perkara berkenaan"

Loo

hak pusat kecantikan itu ada kesilapan pembedahan berlaku yang menyebabkan kesakitan namun mereka tidak mahu bertanggungjawab.

"Mereka tidak mahu saya buang implan dan minta saya jalani pemeriksaan lanjut bagi membuktikan dakwaan kesilapan pemasangan implan itu.

"Hasil semakan mendapati pusat kecantikan itu tidak mempunyai sebarang lesen untuk beroperasi dan doktor warga asing itu tidak memiliki sijil tauliah perubatan di negara ini," katanya.

PERALATAN yang dirampas dipercayai digunakan bagi proses kecantikan.



Ubah kondominium menjadi bilik bedah

Kuala Lumpur: "Saya rasa hidung saya tak cantik sebab besar. Sebab itu, saya nak buat pembedahan plastik walaupun tahu kena tanggung sakit selepas melakukannya," kata seorang wanita warga Indonesia dikenali sebagai Nur, 28.

Wanita berasal dari Medan, Indonesia itu memaklumkan dia bersama rakan senegarannya sanggup datang dari Pulau Pinang ke Cheras, di sini, semata-mata untuk menjalani pembedahan hidung dengan seorang 'doktor' warga Vietnam.

Nur yang juga operator kilang berkata, dia diajak rakannya untuk menjalani pembedahan hidung dengan doktor berkenaan yang dikenali menerusi iklan di media sosial pada Oktober lalu.

"Dalam banyak-banyak iklan kami cari di media sosial, 'doktor' ini tawarkan harga paling murah untuk 'buat' (bedah) hidung iaitu RM4,650 berbanding harga di klinik kecantikan yang dianggarkan antara RM10,000 hingga RM17,000.

"Malah, dia beri jaminan akan menanggung segala kos lain sekiranya berlaku jangkitan atau kesan lain selepas pembedahan, menyebabkan kami yakin untuk melakukannya," katanya.

Terdahulu, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur membuat serbuan di sebuah kondominium di Cheras, di sini, menjadi lokasi operasi seorang

lelaki warga Vietnam berusia 30-an yang menjalankan pembedahan kosmetik secara haram pada 3 Disember lalu.

Dalam serbuan kira-kira jam 12 tengah hari itu, terdapat dua pelanggan wanita masing-masing warga Taiwan dan Indonesia berada di dalam dua bilik tidur berasingan yang dijadikan sebagai 'dewan pembedahan'.

Tinjauan wartawan Harian Metro yang mengikuti operasi berkenaan mendapati seorang pelanggan wanita Indonesia sedang dibedah di bahagian hidung, manakala seorang lagi pelanggan sedang bersedia untuk dibedah bagi rawatan menegangkan muka atau *face lift*.

Difahamkan 'doktor' lelaki dari Taiwan itu dibantu dua wanita iaitu rakan senegarannya serta individu tempatan semasa pembedahan.

Bagi pendafataran pula, dia dibantu seorang lelaki tempatan berusia 34 tahun.

Menurut lelaki tempatan berkenaan, dia bekerja dengan 'doktor' itu sejak April lalu tanpa gaji bulanan tetap.

Lelaki itu juga mendedahkan bahawa majikannya (doktor Taiwan) menyewa tiga unit rumah di kondominium terbahit bagi menjalankan kegiatan haram berkenaan.

"Satu rumah untuk dijadikan pejabat bagi urusan konsultasi dan bayaran, manakala rumah

kedua jadi lokasi pembedahan dan satu lagi rumah adalah tempat tinggalnya.

"Tugas saya adalah ambil pelanggan di lobi (kondominium) sebelum dibawa masuk ke 'pejabat'.

"Sebaik mereka setuju dan membuat pembayaran bagi perkhidmatan dikehendaki, baru kami bawa mereka ke tempat pembedahan," katanya.

Menurutnya, majikannya meraih lebih RM10,000 sebulan me-

nerusi tawaran perkhidmatan pembedahan kosmetik seperti menegang muka (*face lift*), implan hidung dan prosedur kelopak mata dengan bayaran antara kira-kira RM2,000 hingga RM7,000.

"Saya tiada gaji tetap (bulanan). Gaji saya berdasarkan kepada komisen iaitu bergantung kepada jumlah pelanggan.

"Setiap seorang pelanggan yang dibawa ke pejabat, saya dapat RM100 sahaja," katanya.

Fasiliti kedua



INSEKTARIUM Wolbachia Putrajaya merupakan fasiliti kedua yang dibangunkan bagi memperkukuh pelaksanaan Pelepasan Nyamuk Aedes berWolbachia (Wolbachia Mosquito Operation – WMO) di negara ini dalam usaha memerangi nyamuk Aedes. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkenalkan salah satu solusi inovatif dalam kawalan denggi melalui pelepasan nyamuk Aedes berWolbachia, iaitu satu kaedah biologi yang terbukti secara saintifik dapat mengurangkan keupayaan nyamuk menyebarkan virus denggi.

Oleh Hazira Ahmad
Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

HRPZ II KOTA BHARU Cipta Sejarah

'Robot' bedah lutut

Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi hospital ketiga di Malaysia yang melaksanakan pembedahan penggantian sendi lutut atau *total knee replacement* (TKR) menggunakan teknologi robotik.

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Mohd Azman Yacob berkata, pelaksanaan teknologi robotik di HRPZ II itu adalah kali pertama di Kelantan dan menandakan satu pencapaian penting dalam bidang pembedahan ortopedik di negeri itu.

Menurutnya, sebelum ini teknologi pembedahan robotik TKR diperkenalkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 2022 diikuti Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh di Perak.

"Teknologi yang digunakan dikategorikan sebagai *assisted robotic surgery* iaitu pembedahan yang dilaksanakan oleh pakar bedah dengan bantuan sistem robotik dan kaedah ini memberikan tahap kejutuan yang lebih tinggi dalam proses penggantian sendi lutut, sekali gus mengurangkan risiko kesilapan semasa pembedahan.

"Prosedur pembedahan TKR menggunakan teknologi robotik ini mempunyai risiko yang sangat rendah terhadap pendarahan dan komplikasi serius, selain membolehkan pembedahan dilakukan dengan lebih tepat serta selamat berbanding kaedah konvensional," katanya.



PENGARAH Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Mohd Azman Yacob (tengah) dan Ketua Unit Pembedahan Penggantian Sendi, Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Dr Mohd Yusof Ibrahim (kiri) bergambar berlatar belakang kemudahan sistem teknologi pembantu pembedahan robotik (ROSA) yang digunakan dalam pembedahan penggantian sendi lutut.

Beliau berkata demikian kepada media ketika sidang media pembedahan menggunakan teknologi robotik Bilateral Total Knee Replacement (Pembedahan Dua Lutut Serentak) pertama di Kelantan di Dewan Bedah, Kompleks Rawatan Harian

HRPZ II di sini, semalam.

Tendahnya, seorang warga emas berusia 63 tahun menjadi pesakit pertama menjalani pembedahan penggantian dua sendi lutut serentak menggunakan teknologi robotik di HRPZ II.

Dr Mohd Azman berkata, pembedahan penggantian

sendi lutut menggunakan teknologi robotik juga memendekkan hingga separuh masa pembedahan.

"Pada masa sama, teknologi robotik membolehkan perancangan pembedahan yang lebih tepat melalui imej tiga dimensi (3D) masa nyata, sekali gus mengurangkan

kesakitan, pendarahan dan mempercepatkan pemulihan pesakit.

"Kejayaan ini membuktikan komitmen HRPZ II dalam memperkukuh perkhidmatan ortopedik dan meletakkan hospital berkenaan sebagai pusat rujukan arthroplasty utama di Pantai Ti-

mur.

"Di HRPZ II kini mempunyai tiga orang pakar bedah ortopedik yang terlatih dalam penggunaan sistem robotik ini diketuai Pakar Perunding Kanan Orthopedik HRPZ II Dr Mohd Yusof Ibrahim," katanya.

Menurutnya, penggunaan teknologi robotik itu dibangunkan berdasarkan pengalaman lalu dalam pembedahan lutut konvensional yang sering berdepan dengan pelbagai komplikasi.

"Antara masalah utama yang kerap berlaku ialah ketidakselarasan sendi lutut selepas pembedahan yang menyebabkan lutut tidak kembali kepada kedudukan normal dan menjelaskan fungsi anatomi pesakit.

"Dengan bantuan sistem robotik, kejutuan pembedahan dapat dipertingkatkan dan risiko ketidakselarasan dapat dielakkan, sekali gus memastikan kedudukan sendi lutut yang lebih tepat dan fungsi yang lebih baik selepas pembedahan," katanya.

Menurutnya, dari segi kos pembedahan penggantian lutut secara robotik hanya membabitkan bayaran bagi komponen atau alat sendi lutut atau implan yang berharga RM7,500 digunakan dan ia perlu ditanggung oleh pesakit.

"Namun, bagi pesakit daripada kumpulan B40, mereka boleh memohon bantuan melalui Tabung Bantuan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kos pembedahan akan ditanggung sepenuhnya bergantung kepada jenis sendi lutut yang diperlukan dengan bayaran maksimum sehingga RM30,000," katanya.